

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002**  
**ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN IV - PENALTI DAN PERUNTUKAN PELBAGAI YANG BERHUBUNGAN DENGAN AKAD  
NIKAH DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN**

---

**Seksyen 43. Pemeriksaan Daftar Perkahwinan dan indeks perkahwinan.**

(1) Tiap-tiap Daftar Perkahwinan dan indeks perkahwinan yang disimpan oleh Ketua Pendaftar atau Pendaftar di bawah Enakmen ini hendaklah terbuka untuk diperiksa oleh mana-mana orang apabila dibayar fi yang ditetapkan.

(2) Ketua Pendaftar atau Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, apabila dibayar fi yang ditetapkan, memberikan suatu salinan catatan dalam Daftar Perkahwinan dan indeks, yang diperakui di bawah tandatangan dan meterai jawatan Ketua Pendaftar atau Pendaftar itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada mana-mana orang yang menghendaknya.

---